

B687

MAHATHIR-ISLAM

1982

KOTA KINABALU, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KESAL DENGAN SIKAP GOLONGAN-GOLONGAN YANG MENIMBULKAN SALAH FAHAM DAN KEKELIRUAN YANG BOLEH MENYEKAT PERKEMBANGAN ISLAM SERTA MENJEJASKAN IMEJ ISLAM DI KALANGAN BUKAN ISLAM.

MEREKA INI TERMASUKLAH KUMPULAN-KUMPULAN EXTREMIS YANG MENONJOL-NONJOLKAN PEGANGAN MEREKA MENGENAI AGAMA SERTA GOLONGAN YANG MENYELEWENG SEPERTI KUMPULAN +CRYPTO+ YANG DIDEHAKAN BARU-BARU INI, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT SABAGAI CONTOH KUMPULAN YANG MENYERANG BALAI POLIS BATU PAHAT, JOHOR DAN CUBA MEMBUNUH MEREKA YANG TIDAK BERDOSA.

ADA JUGA KUMPULAN YANG MENYERANG TEMPAT-TEMPAT IBADAT ORANG LAIN, KATANYA.

+INI TELAH MEMBERI GAMBARAN YANG TIDAK BAIK TERHADAP ISLAM DAN ORANG ISLAM DAN SANGKAAN BURUK DI KALANGAN BUKAN ISLAM BAHAWA ISLAM TIDAK TOLERAN DAN TERLALU EKSTERIM,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DI ACARA MELETAKKAN BATU ASAS BANGUNAN IBUPEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM SABAH BERHARGA \$156.4 JUTA RINGGIT DI SINI. -- BERSAMBUNG 1843/SZ.

MAHATHIR-ISLAM 2 KOTA KINABALU

PERDANA MENTERI BERKATA PEGANGAN DAN AMALAN MEREKA INI MENINDAS ORANG LAIN TANPA MENGAMBIL KIRA KESAN PERBUATAN MEREKA TERHADAP AGAMA ISLAM.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG PERBUATAN ORANG-ORANG ISLAM SENDIRI YANG MEMBUAT TUDUHAN-TUDUHAN YANG TIDAK PATUT DIBUAT.

+ADA PULA KALANGAN YANG MENGANGGAP ORANG ISLAM LAIN TAK ISLAM ATAU KURANG ISLAM SEOLAH-SEOLAH DALAM ISLAM ADA DIARI KEISLAMANNYA,+ TAMBAH BELIAU.

PERBUATAN-PERBUATAN SEPERTI INI BOLEH MENYEKAT PERKEMBANGAN ISLAM SERTA MENIMBULKAN SALAH ANGGAPAN TERHADAP AGAMA.

B704

MAHATHIR-ISLAM 3 KOTA KINABALU

+KALAU DAKWAH DISAMPAIKAN MELALUI PENERANGAN YANG BETUL KALAU PUN ORANG LAIN TIDAK TERTARIK UNTUK MENGANUTI ISLAM, SEKURANG-KURANGNYA MEREKA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG BAIK DAN BETUL TERHADAP ISLAM,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI, MENYERU UMAT ISLAM MENUNJUKKAN KEUPAYAAN DALAM SEUA BIDANG SUPAYA TIDAK DIPANDANG SEBAGAI UMAT YANG SENTIASA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN.

UMAT ISLAM HARUSLAH MENGAMALKAN SIKAP MENAMBAH ILMU PENGETAHUAN DAN MENIMBA PELAJARAN, TEGASNYA.

KATANYA AGAMA ISLAM TIDAK MENYEKAT ATAU MENGHALANG UMATNYA DARIPADA Mencari ILMU PENGETAHUAN. -- BERSAMBUNG 1913/SZ

MAHATHIR-ISLAM 4 KOTA KINABALU

MENGENAI PEMBINAAN BANGUNAN MUIS, BELIAU YAKIN DENGAN ADANYA PROJEK ITU KEGIATAN MUIS AKAN LEBIH BERKESAN.

+SAYA BERHARAP SUPAYA PEGAWAI-PEGAWAI MUIS AKAN MENGAMBIL BERAT TENTANG KERJA MEREKA DAN MEMANDANGKAN KERJA INI BUKAN SEBAGAI SUATU MATA PENCARIAN SAHAJA TETAPI SATU KERJA YANG HARUS DIPIKUL DENGAN SUKA RELA.+

BELIAU BERHARAP MASYARAKAT ISLAM DI SABAH AKAN MENUNJUKKAN BAHAWA ORANG-ORANG ISLAM ADALAH ORANG-ORANG YANG BAIK BUDI PEKERTI DAN BERSIKAP BERTOLAK-ANSUR SERTA SANGGUP MENGHADAPI CABARAN HIDUP DALAM DUNIA MODEN INI.

+INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA ORANG ISLAM PATUT MEMISAHKAN DIRI DARI ORANG BUKAN ISLAM DAN MEMBUAT SEMUANYA DENGAN SENDIRI, TETAPI DI DALAM SEMUA BIDANG MEREKA MESTILAH MEMPUNYAI KEUPAYAAN MEMBUAT SESUATU JIKA INI DIPERLUKAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA INILAH SATU SIKAP YANG PENTING YANG HARUS TERDAPAT DI KALANGAN ORANG ISLAM BUKAN SAHAJA DI MALAYSIA TETAPI DI SELURUH DUNIA.

+JANGANLAH SEHINGGA BILA-BILA PUN ORANG ISLAM MERUPAKAN ORANG YANG TIDAK BERKEUPAYAAN, LEHAH DAN MUDAH DITINDAS.

-- BERNAMA 1950/SZ